Carian Persendirian / Carian Rasmi / Carian Daftarai Strata

Maklumat Am

Perkhidmatan carian bagi mendapatkan maklumat rasmi berkaitan sesuatu hakmilik tanah (contohnya status pemilikan, sekatan atau kepentingan berdaftar seperti kaveat dan gadaian) secara dalam talian melalui Portal Awam e-Tanah Negeri Selangor (e-Carian) tanpa perlu hadir ke pejabat tanah.

Kaedah Permohonan

1. Log masuk Portal Awam e-Tanah Selangor menggunakan e-mel dan kata laluan akaun berdaftar.
2. Klik menu "E-Carian" dan pilih jenis carian yang diperlukan (Carian Rasmi / Carian Persendirian / Carian Daftar Strata).
3. Isi Maklumat Hakmilik yang dicari (Negeri, Daerah, Bandar/Pekan/Mukim, Jenis Hakmilik, No. Lot/PT) dan klik butang "Tambah".
4. Semak Senarai Hakmilik yang dicari, kemudian klik butang "Teruskan Permohonan".
5. Sistem memaparkan Senarai Hakmilik dan jumlah bayaran; klik butang "Seterusnya" untuk membuat bayaran.
6. Pilih kaedah bayaran FPX dan klik butang "Seterusnya".
7. Isi maklumat bayaran (alamat e-mel dan nombor telefon bimbit untuk menerima status transaksi) dan klik butang "Teruskan".
8. Setelah bayaran berjaya, maklumat Resit Pembayaran akan terpapar; klik butang "Cetak Resit Bayaran" untuk mencetak.
9. Klik “Status Permohonan” untuk melihat status urusan yang dipohon.
10. Jika status bertukar ‘Selesai”, klik ikon pada Tindakan untuk melihat Rekod Carian.
11. Klik ikon Pencetak untuk mencetak Sijil Carian.

Fi Bayaran

Bil.	Urusan	Fi (RM)
1.	Carian Persendirian	30.00
2.	Carian Rasmi	50.00
3.	Carian Daftarai Strata (*Strata Roll*)	60.00

Tempoh Siap

Bil.	Urusan	Tempoh
1.	Carian Persendirian	Serta-merta
2.	Carian Rasmi	24 jam
3.	Carian Daftarai Strata (*Strata Roll*)	7 hari

Maklumat Tambahan

Cetakan hanya wujud selama 3 hari dari Tarikh Kelulusan. Sekiranya tidak dimuatturun dalam tempoh 3 hari, Carian semula perlu dilakukan.